

# Kekal Kerajaan Perpaduan demi kestabilan politik

Sokongan hingga tamat penggal pastikan pembangunan seluruh negara dapat diteruskan

Oleh Rohaniza Idris  
roha@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Usaha mengekalkan Kerajaan Perpaduan penting bagi memastikan kesinambungan pembangunan dapat diteruskan dan mewujudkan keseimbangan dalam kemajuan wilayah di seluruh negara.

Penganalisis politik bersetuju pengkalan Kerajaan Perpaduan juga akan mewujudkan kestabilan politik yang membawa banyak manfaat kepada kemajuan rakyat, selain aktiviti ekonomi dapat berjalan lancar, sekali gus mempengaruhi pelabur asing ke negara ini.

Penganalisis sosiopolitik dari Universiti Malaya (UM), Prof Madya Dr Awang Azman Awang Pawi, berkata sudah sampai masanya tumpuan diberi kepada pembangunan negara untuk kesejahteraan rakyat selepas melalui episod kecelaruan politik hampir lima tahun.

Susulan itu, beliau berkata, sasaran supaya pengkalan kerajaan sedia ada perlu disambut semua pihak sesuai semangat sambutan Hari Malaysia, kelmarin.

"Pengkalan kerajaan ini bagi memastikan kesinambungan pembangunan di semua wilayah

termasuk Sabah dan Sarawak, walaupun kedua-dua negeri masih ketinggalan berbanding di Semenanjung," katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin, Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg berharap kestabilan dalam Kerajaan Perpaduan ketika ini kekal sehingga tamat penggal Parlimen sekarang.

Katanya, Kerajaan Perpaduan tertubuh hasil kebijaksanaan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang menyelesaikan kemelut politik negara sedikit masa dulu.

Justeru, katanya, semua pihak tidak harus mensia-siakan harapan baginda, sebaliknya terus membawa rakyat untuk bersatu padu membina Malaysia yang lebih utuh dan gemilang.

Mengulas peranan Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan Gabungan Rakyat Sabah (GRS) sebagai *king maker* dalam Kerajaan Perpaduan, Awang Azman berkata, tindakan kedua-dua gabungan parti itu bukan kerana mereka tiada pendirian dalam berpolitik.

Sebaliknya, beliau berkata, gabungan parti itu melihat kepada kepentingan rakyat demi kelangsungan dan keutamaan kepada pembangunan negeri serta pembelaan nasib rakyat.

"Saya berpandangan tindakan dan cara politik Sarawak serta Sabah ini adalah mengutamakan kepada pembangunan yang menjadi agenda utama selepas jauh ketinggalan berbanding pembangunan di Semenanjung.

"Ini bukan soal mereka tiada pendirian atau hanya menyokong parti yang kuat saja, ini demi kelangsungan dan masa de-

"Sudah sampai masanya tumpuan diberi kepada pembangunan negara untuk kesejahteraan rakyat selepas melalui episod kecelaruan politik hampir lima tahun"



Awang Azman  
Awang Pawi,  
Penganalisis  
sosiopolitik  
UM

"Kerajaan Persekutuan dan kerajaan Sabah dan Sarawak diseru terus berusaha memastikan segala isu berbangkit diselesaikan dengan baik supaya kerajaan ini dapat menjalankan fungsinya selaras aspirasi bersama"



Romzi Ationg,  
Penganalisis  
politik dan  
Pensyarah Kanan  
UMS

pan negeri masing-masing," katanya.

## Ketepikan agenda peribadi

Sementara itu, penganalisis politik yang juga Pensyarah Kanan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Madya Dr Romzi Ationg berkata, sewajarnya Kerajaan Perpaduan terus disokong untuk sekurang-kurangnya kekal hingga tamat tempoh penggal.

Katanya, semua pihak wajib mengutamakan kestabilan politik berbanding agenda peribadi kerana usaha memastikan negara kembali ke landasan terbaik dalam pelbagai hal tidak dapat dijayakan dalam tempoh singkat.

"Sabah dan Sarawak tentu dapat menerima manfaat dengan mengekalkan kerajaan semasa melalui kerjasama serta perundingan berterusan yang baik dengan pemimpin kerajaan ini.

"Sehubungan itu, Kerajaan Persekutuan dan kerajaan Sabah dan Sarawak diseru terus berusaha memastikan segala isu berbangkit diselesaikan dengan baik supaya kerajaan ini dapat menjalankan fungsinya selaras aspirasi bersama," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, ramai yang melihat tindakan parti politik di Sabah dan Sarawak seakan mementingkan manfaat sendiri dan hanya menyokong parti yang kuat, namun hakikatnya ia dilaksanakan demi kepentingan rakyat.

"Antara sebab utama mengapa mereka berbuat demikian kerana kepercayaan yang makin terhakis terhadap janji pemimpin Kerajaan Persekutuan bagi memastikan hak dan peranan Sabah dan Sarawak dimartabatkan," katanya.